

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI KHAMIS, 5 NOVEMBER 2020, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 2

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

1. PR-1433-MQT1040
Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapakah sehingga kini Kerajaan masih lagi tidak melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) atau 'lockdown' memandangkan berlakunya peningkatan kes COVID-19 yang agak kritikal dan tidak terkawal terutamanya di Sabah dan beberapa buah kawasan di Semenanjung yang berstatus zon merah.

2. PR-1433-MQT1045
Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling] minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak Kementerian dalam mengendalikan aduan rakyat berkenaan kerosakan jalan raya dan kualiti pembaikan jalan raya oleh kontraktor yang mungkin menyebabkan kerosakan harta benda juga kehilangan nyawa.

3. PR-1433-MQT1038
Tuan Cha Kee Chin [Rasah] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah kesan pandemik COVID-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), PKPD dan PKPP terhadap harga runcit barangan di pasaran, khasnya harga untuk barangan keperluan harian dan barangan yang diimport dari negara asing.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI KHAMIS, 5 NOVEMBER 2020, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 30

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1433-L10623
Dato' Haji Jalaluddin bin Haji Alias [Jelebu] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan sejauh manakah tindakan Amerika Syarikat memboikot produk sawit keluaran Felda Global Ventures (FGV) memberi kesan terhadap import produk sawit Malaysia bagi tahun 2020.

2. PR-1433-L10966
Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan tentang keberkesanan, kejayaan dan cabaran program '*food bank*' di Malaysia sehingga hari ini.

3. PR-1433-L11308
Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan] minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan :-
 - (a) adakah Kerajaan Persekutuan berhasrat menurunkan kuasa kepada Kementerian Pembangunan Industri Sabah untuk menguruskan sendiri pelaksanaan projek Lebuh Raya Pan Borneo di Sabah; dan

- (b) sejauh manakah kesediaan Kementerian Kerja Raya untuk menyalurkan peruntukan secara terus dan memberi kepercayaan kepada Kementerian Pembangunan Infrastruktur Sabah untuk mengurus tadbir pelaksanaan projek-projek di negeri Sabah berdasarkan keperluan yang telah dikenal pasti di peringkat negeri.
4. PR-1433-L11430
Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran [Batu] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan lebih daripada jumlah 2000 borang permohonan bantuan JKM (WPKL) masih tertangguh bagi tahun 2020 oleh kerana pekerja sedang bercuti, apakah tindakan Kementerian bagi menangani masalah yang sedang berlaku.
5. PR-1433-L10925
Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan penglibatan belia di luar bandar dalam inisiatif '*place-and-train*' bagi menyediakan latihan kemahiran kepada para belia.
6. PR-1433-L10321
Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan diambil oleh Kementerian bagi mengurangkan had pendapatan kemiskinan.
7. PR-1433-L11025
Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah bentuk program yang telah dan akan diperkenalkan oleh Kementerian untuk pembangunan Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) di Sabah kala pandemik COVID-19 ini.
8. PR-1433-L11154
Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai rancangan untuk meminda Artikel 145 Perlembagaan Persekutuan bagi memisahkan kuasa dan fungsi Pendakwa Raya daripada pejabat Peguam Negara bagi memastikan kuasa pendakwaan yang lebih telus dalam sistem keadilan Malaysia.

9. PR-1433-L11260
Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan akan melaksanakan perintah wajib halal daripada JAKIM terutama bagi kedai makan dan restoran di lapangan terbang dan pasar raya dan bagaimana pula dengan status 'No Pork' yang sering dipamerkan oleh restoran-restoran tersebut.
10. PR-1433-L11058
Tuan Lim Lip Eng [Kepong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kos-kos yang telah disalurkan kepada Suruhanjaya Pilihan Raya, agensi-agensi Kerajaan yang lain seperti Polis Diraja Malaysia, Jabatan Penerangan dan sebagainya untuk mengendali pilihan raya negeri Sabah tahun 2020.
11. PR-1433-L10278
Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan jumlah syarikat dan pengarah syarikat yang telah memohon atau diambil tindakan pembatalan syarikat menurut peruntukan di bawah Seksyen 549/550 Akta Syarikat 2016 yang layak mendapat pengurangan kompaun sebanyak 90 peratus setakat ini.
12. PR-1433-L10857
Datuk Wira Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir [Temerloh] minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan :-
- (a) berapakah jumlah pelanggan '*Radio Frequency Identification*' (RFID); dan
 - (b) bilakah pelaksanaan pungutan tol di seluruh lebuh raya akan menggunakan RFID.
13. PR-1433-L10378
Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk membantu peminjam-peminjam Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) dengan menstrukturkan kembali bayaran semula pinjaman mereka memandangkan golongan peminjam AIM diklasifikasikan sebagai usahawan B40 yang paling teruk terkesan sejak pandemik COVID-19 melanda negara.

14. PR-1433-L10843
Tuan Wong Chen [Subang] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan dasar-dasar yang akan dilaksanakan oleh pihak Kementerian untuk mengekalkan kepemimpinan global Malaysia dalam pengeluaran sarung tangan getah, berdasarkan pengumuman Thailand bahawa mereka akan menumpukan perhatian kepada pengeluaran sarung tangan getah domestik.
15. PR-1433-L10259
Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah langkah-langkah proaktif serta tindakan yang perlu diambil oleh Kementerian bagi mengatasi masalah kenaikan peratus golongan tua yang akan timbul nanti. Berapakah pusat aktiviti warga emas yang telah dibina dan adakah Kementerian bercadang untuk membina satu Parlimen satu pusat aktiviti warga emas.
16. PR-1433-L10281
Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan bilangan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang menamatkan operasi mereka kerana pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan penularan COVID-19 serta apakah langkah Kementerian untuk mengatasinya.
17. PR-1433-L10109
Dato' Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapa dan setakat manakah terdapat perbezaan undang-undang syariah di antara negeri-negeri di negara ini dan apakah langkah Kerajaan bagi menyeragamkan undang-undang syariah di negara ini bagi mengelakkan salah faham dan kekeliruan di kalangan umat Islam dan melicinkan serta memperkemaskan pentadbiran undang-undang syariah.
18. PR-1433-L10090
Tuan Ahmad bin Hassan [Papar] minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan konsep kolaborasi Kementerian dengan Kerajaan Negeri Sabah dalam perihal pengendalian projek-projek pembinaan infrastruktur khususnya Projek Lebuh Raya Pan Borneo di Sabah yang mungkin melibatkan sempadan bidang kuasa antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri Sabah.

19. PR-1433-L11349
Datuk Hajah Azizah Binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun [Beaufort] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan berapa jumlah peruntukan yang telah disalurkan bagi pembangunan usahawan di Sabah.
20. PR-1433-L10566
Tuan Su Keong Siong [Kampar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah tindakan yang telah dan akan diambil terhadap rakyat Malaysia yang mengingkari Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan juga Garis Panduan (SOP) KKM yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara untuk membendung penularan wabak COVID-19.
21. PR-1433-L10816
Tuan Ahmad Johnie bin Zawawi [Igan] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah impak pandemik COVID-19 ke atas industri pelancongan negara khususnya di negeri Sarawak dari segi jumlah pelancong, hotel, agensi pelancongan, pengangkutan serta industri yang berkaitan pelancongan dan apakah langkah-langkah untuk mengatasinya.
22. PR-1433-L10723
Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah pihak Suruhanjaya Pilihan Raya membuat sebarang kajian atau perancangan khusus berkenaan Standard Operating Procedure (SOP) pilihan raya sekiranya PRU-15 terpaksa dilakukan dalam keadaan negara masih mengalami pandemik COVID-19.
23. PR-1433-L11421
Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [Balik Pulau] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan menjelaskan teknologi data *analytic* yang digunakan oleh MOTAC untuk melihat dan mengkaji trend pergerakan pelancongan tempatan bagi membantu pengusaha pelancongan.
24. PR-1433-L10746
Tuan Cha Kee Chin [Rasah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tahap pematuhan rakyat Malaysia terhadap pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), PKPB atau PKPP yang bermula pada 18 Mac 2020 dan juga SOP di bawahnya, serta sejauh manakah pelaksanaan ini dapat membendung penularan COVID-19 di negara kita.

25. PR-1433-L10755
Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bilakah Kementerian akan melaksanakan peningkatan bantuan kebajikan JKM dinaikkan ke RM1,000 seperti yang dicadangkan oleh Perdana Menteri semasa PRN Sabah. Berapa jumlah penerima akan mendapat manfaat.
26. PR-1433-L11365
Tuan Baru Bian [Selangau] minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan adakah Maltimur Resources Sdn. Bhd. telah dilantik sebagai Perunding Pengurusan Projek untuk projek Lebu Raya Pan Borneo. Sekiranya ya, berapakah yuran perunding yang akan dibayar dan apakah kadar struktur yuran perunding yang diguna pakai bagi menentukan jumlah yuran yang perlu dibayar di atas perkhidmatan yang disediakan.
27. PR-1433-L11163
Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim Bandar Baharu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan senaraikan syor-syor yang dihasilkan oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara untuk menangani cabaran ekonomi dihadapi negara sekarang.
28. PR-1433-L10246
Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan terdapat penghakiman di mahkamah tinggi di mana hakim telah membuat keputusan sendiri diluar peruntukan undang-undang dalam satu-satu kes. Apakah tindakan tatatertib yang boleh dilakukan ke atas hakim-hakim yang menjatuhkan hukuman di luar sesuatu akta undang-undang.
29. PR-1433-L10502
Tuan Lim Kit Siang [Iskandar Puteri] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapakah MKN tidak mewajibkan kuarantin selama 14 hari untuk mereka yang pulang dari Sabah bermula daripada 26 September yang lalu.
30. PR-1433-L11409
Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah polisi Kerajaan membenarkan amalan pemimpin politik khususnya anggota Kabinet mengeluarkan surat sokongan kepada mana-mana orang bagi tujuan mendapatkan projek Kerajaan.

31. PR-1433-L11023
Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin [Hang Tuah Jaya] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan kesiapsiagaan Kementerian di dalam meningkatkan lagi kemampuan industri minyak sawit Malaysia terutamanya dari sudut kebolehesanan (*traceability*) dan apakah inovasi teknologi '*blockchain*' termasuk di dalam perancangan Kementerian untuk dilaksanakan selepas kejayaan pelaksanaan pensijilan minyak sawit mampan Malaysia.
32. PR-1433-L10442
Tuan Pang Hok Liong [Labis] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan keadaan-keadaan istimewa (*special circumstances*) seorang bekas Perdana Menteri yang menjadi penjenayah setelah didapati sabit bersalah dan dijatuhkan hukuman penjara selama 12 tahun oleh mahkamah tinggi, masih diberikan beberapa keistimewaan seperti pengawal peribadi beberapa orang anggota Unit Tindakan Khas (UTK) dan polis pengiring bermotosikal.
33. PR-1433-L11331
Tuan R. Sivarasa [Sungai Buloh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bila dan macam mana Kerajaan akan melaksanakan perubahan kepada lantikan Ketua Pesuruhjaya SPRM seperti yang diumumkan oleh Datuk Seri Azam Baki pada 1 September 2020 iaitu lantikan Ketua SPRM akan dibuat melalui Parlimen dan memerlukan majoriti dua pertiga, pemecatan Ketua SPRM akan memerlukan keputusan satu tribunal khas seperti pemecatan hakim-hakim dan SPRM akan adakan suruhanjaya perkhidmatan sendiri.
34. PR-1433-L10351
Puan Isnaraissah Munirah Majilis [Kota Belud] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan memohon penjelasan mengenai status terkini perjanjian MA63 yang banyak kali dimainkan sewaktu PRK Kimanis dan juga PRN ke-16 Sabah dahulu. Sewaktu YB Semporna menjadi Ketua Menteri, beliau telah berjaya mendapatkan 17 daripada 21 perkara yang dituntut oleh Kerajaan Sabah dan Sarawak sewaktu di bawah pemerintahan Pakatan Harapan Plus.
35. PR-1433-L11295
Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan setakat ini berapa institusi pengajian tinggi dan lain-lain pihak yang telah diberi tugas untuk mencipta mesin atau kaedah baru mengutip buah kelapa sawit. Berapa jumlah wang yang telah ditawarkan, dan berapa ciptaan baru yang telah dihasilkan.

36. PR-1433-L10550
Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah pencegahan yang telah diambil untuk memastikan terdapat sifar kes rasuah dalam perkhidmatan awam, terutamanya untuk mengelakkan rasuah dan penyelewengan dalam sistem perolehan Kerajaan.
37. PR-1433-L11131
Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan sama ada Program Pembangunan Ladang Hutan (PPLH) yang akan tamat pada tahun ini akan diteruskan. Apakah penambahbaikan dan dana akan diperuntukkan dalam fasa kedua.
38. PR-1433-L11134
Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apa jenis kajian buluh yang akan dijalankan di pusat penyelidikan buluh di Dataran Tembusu di Terengganu. Apakah agensi yang menyumbangkan dana dan kajian dalam projek ini.
39. PR-1433-L10471
Puan Hannah Yeoh Tseow Suan [Segambut] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah keputusan Kerajaan selepas Perdana Menteri mengusulkan bantuan bulanan Jabatan Kebajikan Masyarakat yang ketika ini berjumlah antara RM200 dan RM300 dinaikkan kepada RM1,000 di Sabah baru-baru ini. Bilakah akan dilaksanakan, apakah implikasi kewangan dan berapakah anggaran penerima bantuan baharu.
40. PR-1433-L11156
Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan akan meneruskan usaha Kerajaan terdahulu untuk memansuhkan hukuman mati mandatori dan mewajibkan budi bicara hakim dalam jenayah-jenayah yang melibatkan hukuman mati.
41. PR-1433-L10588
Tuan Nga Kor Ming [Teluk Intan] minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan jumlah peruntukan yang telah diperuntukkan Kementerian tersebut untuk kawasan Parlimen Teluk Intan dari tahun 2008 hingga tahun 2020, dengan pecahan ikut nama projek serta kos yang terlibat dengan pecahan tahun.

42. PR-1433-L10614
Tuan Charles Anthony Santiago [Klang] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan kesudian Malaysia mengikut langkah India dan Afrika Selatan yang telah mencadangkan satu usul pengecualian beberapa fasal dalam perjanjian TRIPS bagi mencegah, membendung dan merawat COVID-19. Adakah Malaysia sebagai ahli WTO sedia untuk menyokong usul ini untuk mengeneipkan penguatkuasaan hak intelek (*intellectual property*) bagi menangani isu-isu berkenaan COVID-19.
43. PR-1433-L11221
Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimana seorang suspek bergelar 'Datuk Seri' yang disiasat berkaitan sindiket pengubahan wang haram dapat meloloskan diri daripada kawalan dan penjagaan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia baru-baru ini.
44. PR-1433-L10808
Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Lumut] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha Kementerian untuk memperkasakan kebebasan maklumat. Adakah Kementerian berhasrat untuk mengambil contoh daripada Enakmen Kebebasan Maklumat di Pulau Pinang dan Selangor dan meminda Akta Rahsia Rasmi 1972 untuk memperkasakan lagi hak mendapatkan maklumat dalam kalangan masyarakat.
45. PR-1433-L11386
Datuk Ignatius Darell Leiking [Penampang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang telah diusir keluar dari daerah Penampang dan daerah Keningau dalam jangkamasa 5 tahun bermula 2015 hingga ke tahun ini serta langkah-langkah yang telah dan bakal dilaksanakan oleh Kementerian serta keberkesanannya untuk membendung masalah PATI di kedua-dua daerah ini.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. (D.R 11/2020) Rang Undang-Undang Koperasi (Pindaan) 2020 -
Menyambung semula perbincangan atas masalah,
" Bahawa Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang
kedua sekarang," (4 November, 2020)

[Menteri Pembangunan Usahawan Dan Koperasi]

2. **Menteri di Jabatan Perdana Menteri** akan mencadangkan :-

"Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 86(5), maka Penyata Jawatankuasa Dewan yang dibentangkan di atas meja Mesyuarat di dalam Dewan ini sebagai Kertas DR.3 Tahun 2020 hendaklah diterima dan dipersetujui."

3. (D.R 13/2020) Rang Undang-undang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pindaan) 2020 **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Menteri Sumber Manusia]

4. (D.R.14/2020) Rang Undang-undang Kilang dan Jentera (Pemansuhan) 2020 "

[Menteri Sumber Manusia]

5. (D.R 15/2020) Rang Undang-undang Lembaga Angkasa Malaysia 2020 "

[Menteri Sains, Teknologi Dan Inovasi]

6. (D.R.12/2020) Rang Undang-Undang Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis 2020 "

[Menteri Dalam Negeri]

7. PR-1433-U(27)141

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan membentangkan langkah dan usaha yang diambil bagi menyelesaikan isu larangan ke atas produk syarikat pengeluar minyak sawit Malaysia FGV Holdings dan kempen anti minyak sawit di Eropah. Terdapat lebih 650,000 pekebun kecil bergantung kepada tanaman sawit dan jumlah ini mencecah 2.3 juta rakyat Malaysia sekiranya bilangan kanak-kanak daripada keluarga yang terbahit juga diambil kira. Larangan ini akan menjejaskan pendapatan pekebun kecil dan peneroka yang bekerja keras demi menyara hidup mereka."

[Perdana Menteri]

8. PR-1433-U(27)144

Tuan Sabri bin Azit [Jerai] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya melaksanakan tindakan yang lebih tegas terhadap isu mempersendakan institusi agama di media sosial. Perkara ini bukan sahaja telah menyebabkan kepada salah faham terhadap institusi tersebut, malah tulisan-tulisan berbentuk parodi yang diketengahkan telah mendorong kepada tanggapan negatif masyarakat terhadap ajaran Islam itu sendiri."

[Perdana Menteri]

9. PR-1433-U(27)145

Tuan Sabri bin Azit [Jerai] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya mengkaji keperluan mewujudkan semula Akta Anti Berita Tidak Benar bagi menangani penularan berita palsu dan fitnah yang semakin berleluasa. Penyebaran berita palsu mengancam keselamatan, kestabilan negara dan boleh menimbulkan suasana tidak tenteram dalam kalangan masyarakat majmuk. Kempen kesedaran perangi berita palsu wajar dipergiatkan agar rakyat lebih peka dan menyemak kesahihan sebelum menyebar sesuatu berita."

[Perdana Menteri]

10. PR-1433-U(27)146

Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan melaksanakan pendekatan yang holistik terhadap isu pencemaran di sumber-sumber Loji Rawatan Air (LRA) sehingga menjejaskan aktiviti kehidupan seharian jutaan pengguna. Perkara ini memerlukan kepada penambahbaikan daripada aspek cegah rintang (*deterrence*) dalam peruntukan undang-undang sedia ada serta termasuklah aspek penguatkuasaan tempatan yang melibatkan semua pihak berkaitan."

[Menteri Alam Sekitar Dan Air]

11. PR-1433-U(27)147

Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan menambah anggota PERHILITAN serta aset-aset strategik dalam Parlimen Kemaman disebabkan masalah kekurangan anggota yang dihadapi ketika ini. Tambahan lagi, peningkatan hidupan liar seperti gajah di dalam Parlimen Kemaman sehingga memusnahkan tanaman penduduk setempat memerlukan perhatian yang serius oleh pihak Kerajaan."

[Menteri Tenaga Dan Sumber Asli]

12. PR-1433-U(27)148

Tuan Shaharizukirnain bin Abd. Kadir [Setiu] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya memperhalusi Pelan Strategik Kebangsaan Mengenai Kesihatan Mental di negara ini khususnya dalam tempoh kritikal berhadapan penularan wabak Covid-19. Hal ini memerlukan kepada klasifikasi bentuk pendekatan yang berbeza terhadap kumpulan sasar tertentu seperti golongan barisan hadapan, pelajar sekolah dan sebagainya. Perkara ini wajar dijadikan agenda utama Kerajaan khususnya oleh pihak Kementerian itu sendiri."

[Menteri Kesihatan]

13. PR-1433-U(27)149

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa pihak Kerajaan melakukan siasatan yang terperinci mengenai dakwaan wujudnya modus operandi baharu dalam trend pengedaran dadah di negara ini khususnya dalam tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP). Perancangan strategik dalam menangani isu pengedaran dan penyalahgunaan dadah di negara ini perlu sentiasa mendapat perhatian yang serius oleh pihak Kerajaan."

[Menteri Dalam Negeri]

14. PR-1433-U(27)150

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa pihak Kerajaan supaya mengambil perhatian yang khusus mengenai pelan penyusunan semula operasi kecemasan Malaysia Airlines Berhad (MAB) ketika ini khususnya bagi menjamin kebajikan puluhan ribu pekerja yang bernaung di bawahnya mendapat pembelaan yang sewajarnya."

[Menteri Kewangan]

15. PR-1433-U(27)152

Tuan Haji Wan Hassan Bin Mohd Ramli [Dungun] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membentangkan usaha terkini Kerajaan khususnya pelan peruntukan vaksin COVID-19 global, (COVAX) supaya Malaysia mendapat bekalan vaksin yang mencukupi serta pada kadar segera dengan harga berpatutan apabila vaksin berkenaan terbukti selamat dan berkesan. Perkara ini amat penting untuk dibincangkan kerana impak daripada wabak ini begitu besar dan berpanjangan."

[Menteri Sains, Teknologi Dan Inovasi]

16. PR-1433-U(27)164
Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan melaksanakan tindakan yang lebih tegas dan menyeluruh membanteras sindiket judi dalam talian dan penipuan seperti Macau Scam. Sindiket scammer yang semakin berleluasa ini telah menyebabkan ramai mangsa yang terpedaya dan mengalami kerugian berjumlah puluhan ribu sehingga jutaan ringgit."

[Menteri Dalam Negeri]

17. PR-1433-U(27)166
Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan membentangkan siasatan penuh terhadap insiden kemasukan bot-bot Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang seringkali berlaku khususnya melalui lorong-lorong tikus sama ada ia benar-benar melibatkan suatu sindiket jenayah antarabangsa mengenai penyeludupan manusia. Insiden ini juga memerlukan penyiasatan terhadap penglibatan tekong-tekong tempatan dan pegawai agensi penguatkuasa yang turut bersubahat dengan sindiket. Para pesalah ini wajar dikenakan hukuman yang setimpal atas jenayah yang dilakukan."

[Menteri Dalam Negeri]

18. PR-1433-U(27)135
Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] akan mencadangkan :-

"MENYEDARI hakikat bahawa isu pemberian kewarganegaraan kepada Pendatang Tanpa Izin (PTI) adalah keprihatinan dan isu utama bagi Orang Asal Sabah ketika ini. Dan,

MENERIMA hakikat bahawa, seorang bernama Encik Hassnar Ebrahim telah ditangkap di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) selama 2 bulan dan menjalani Tahanan Kediaman Terhad selama 2 tahun kerana terlibat secara langsung di dalam proses mengeluarkan kad pengenalan projek kepada para pendatang asing Indonesia dan Filipina sejak tahun 1976.

MENERIMA hakikat bahawa Encik Hassnar Ebrahim telah membuat pengakuan terbuka di mahkamah, surat bertulis kepada MD Mutalib dan juga dalam pelbagai ceramah BAHAWASANYA pada ketika beliau ditangkap terdapat sekitar 300,000 PTI yang mendapat kad pengenalan biru.

MENERIMA juga hakikat tentang keterangan Encik Jabar Khan, bahawa beliau ditahan di bawah ISA selama 3 tahun (1996-1999) dan 2 tahun Tahanan Kediaman Terhad (2000-2002) di Pendengaran Awam Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen Mengenai Integriti pada 26 Februari 2007, kerana penglibatannya secara langsung dalam proses mengeluarkan kad pengenalan biru kepada para Pendatang Tanpa Izin (PTI) sebagai Setiausaha Task Force Jawatankuasa Pengundi Luar UMNO Sabah pada 1991.

Seterusnya MENERIMA keterangan dan pengakuan Encik Jabar Khan bahawa, setelah UMNO masuk ke Sabah pada tahun 1991, maka UMNO Sabah telah menubuhkan Jawatankuasa Pengundi Luar ataupun Task Force yang diketuai oleh Bendahari UMNO Sabah ketika itu, Datuk Musa Aman, kini Tan Sri Musa Aman.

Menerima juga keterangan Encik Jabar bahawa 400,000 keping kad pengenalan biru berjaya diberikan kepada PTI dan daripada jumlah tersebut sebanyak 82,000 PTI telah dimasukkan dalam senarai pengundi di 30 kawasan DUN di Sabah.

MENYEDARI juga keterangan Encik Jabar Khan yang mengatakan bahawa, perbuatan KHIANAT yang dibuat oleh TASK FORCE UMNO Sabah itu bertujuan menjatuhkan Kerajaan Sabah di bawah teraju PBS ketika itu.

MENERIMA juga pengakuan Encik Hassnar Ebrahim bahawa, pada ketika dia ditangkap di bawah ISA sebanyak 300,000 kad pengenalan biru berjaya diberikan kepada PTI dan menurutnya kini lebih sejuta orang asing diberikan kerakyatan Malaysia melalui pintu belakang dan daripada jumlah tersebut sudah melahirkan lebih satu juta generasi TERAPUNG di negara ini.

Menyedari hakikat bahawa pertumbuhan penduduk Sabah sangat luar biasa berbanding Penduduk Sarawak pada masa yang sama seperti berikut:

Tahun	Sabah	Sarawak
1951	334,141	
1960	454,561	
1970	636,431	976,269
1980	929,299	1,235,553
1991	1,734,685	1,642,771
2000	2,449,389	2,012,616
2005	3,313,000	2,340,000
2010	3,330,000	2,560,000

Menyedari hakikat bahawa kadar pertumbuhan penduduk Sabah yang luar biasa ini adalah kesan daripada perbuatan khianat sepertimana keterangan dan pengakuan Encik Hassnar Ebrahim dan Encik Jabar Khan yang didalangi oleh pemimpin-pemimpin UMNO seperti Megat Junid dan Musa Aman.

Menyedari hakikat bahawa satu pengkhianatan dan jenayah telah berlaku yang melibatkan seluruh Jabatan Pendaftaran Negara dan juga kepimpinan negara.

Dan menerima hakikat bahawa, Pengerusi Jawatankuasa Keutuhan Negara yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri pada ketika itu telah mengarah Ketua Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara dan juga Ketua Pengarah Jabatan Imigresen supaya tidak hadir memberi keterangan dalam Pendengaran Awam Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen Mengenai Integriti, yang akhirnya menyebabkan Pengerusinya, Tan Sri Bernard Dompok meletakkan Jawatan.

MENERIMA HAKIKAT bahawa hak-hak rakyat Orang Asal Sabah telah dirampas dan dicabuli oleh pengkhianat-pengkhianat yang rakus dan gila kuasa. Kini orang-orang Sabah merasa terpinggir di tanah air mereka sendiri.

MENERIMA KESAN secara langsung perbuatan khianat tersebut terhadap Orang Asal Sabah, menjadi miskin hanya kerana mereka terpaksa berkongsi kekayaan Sabah serta segala perkhidmatan Kerajaan dengan PTI. Akibatnya pendapatan per kapita GDP Sabah hanya USD5000 atau RM25 000 berbanding RM45 000 bagi Malaysia dan RM49 000 bagi Sarawak.

MENERIMA dan MENYEDARI fakta-fakta tersebut maka Dewan Yang Mulia ini hendaklah menjalankan kewajipan untuk menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan dengan mempertimbangkan Usul Kewarganegaraan ini dengan meminta kesemua mereka yang disebut oleh Encik Hassnar dan Encik Jabar Khan supaya dibawa ke muka pengadilan di atas jenayah yang mereka telah lakukan.

Pada masa yang sama kad pengenalan Malaysia yang ada pada hari ini hendaklah diganti dengan yang baru dan setiap pemegang kad pengenalan yang ada sekarang hendaklah memohon kembali dengan menggunakan surat beranak yang sah ataupun dokumen-dokumen yang sah laku daripada segi undang-undang. "

[Menteri Dalam Negeri]

19. PR-1433-U(27)136
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan :-
"Kerajaan supaya mempergiatkan usaha untuk menyatupadukan rakyat berbilang kaum di Malaysia yang kelihatan masih lemah dan longgar meskipun negara telah menjadi negara merdeka dan berdaulat sejak 63 tahun supaya mereka boleh hidup dengan aman dan saling memerlukan dan memahami bagi memudahkan mereka membangunkan ekonomi negara secara bersama dan merealisasi impian Malaysia."
[Menteri Perpaduan Negara]
20. PR-1433-U(27)137
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan :-
"Kerajaan memulihkan pilihan raya Kerajaan Tempatan seluruh negara supaya urus tadbir Kerajaan Tempatan menjadi lebih cekap, akauntabiliti dan bersih dengan mengambil langkah pertama untuk membuat kajian serius dan melakukan pungutan suara antara rakyat."
[Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan]
21. PR-1433-U(27)138
Dato' Wira Haji Amiruddin bin Haji Hamzah [Kubang Pasu] akan mencadangkan :-
"Bahawa Dewan ini memberi kebenaran kepada Ahli Yang Berhormat bagi Kawasan Kubang Pasu untuk mencadangkan suatu usul iaitu menurut Peraturan Mesyuarat 26(1) dibaca bersama Peraturan Mesyuarat 27(3), dalam Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat, mengemukakan resolusi untuk membuat ketetapan bahawa Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin bin Yassin sebagai Ahli Yang Berhormat Pagoh tidak mempunyai keyakinan majoriti Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Rakyat."
[Perdana Menteri]
22. PR-1433-U(27)165
Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh] akan mencadangkan :-
"Bahawasanya Dewan ini mengambil ketetapan menyatakan kepercayaan penuh dan berikrar kesetiaan yang tidak berbelah-bagi terhadap Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Muhammad Yassin, Ahli Parlimen Pagoh, sebagai Perdana Menteri Malaysia yang kelapan.

Bahawasanya Dewan ini berikrar akan memberikan kerjasama dan sokongan sepenuhnya- kepada beliau bagi melaksanakan tanggungjawab dan amanah dengan sebaiknya. Negara memerlukan kestabilan dan perpaduan erat di semua peringkat dalam mengharungi ujian penularan semula pandemik Covid-19. Usaha yang bersungguh-sungguh amat diperlukan bagi memulihkan ekonomi negara dan membela nasib seluruh rakyat yang begitu teruk terjejas akibat wabak."

[Perdana Menteri]

23. PR-1433-U(27)140

Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini memberi kebenaran kepada Ahli Yang Berhormat bagi Kawasan Langkawi untuk mencadangkan suatu usul iaitu menurut Peraturan Mesyuarat 26 (1) dibaca bersama Peraturan Mesyuarat 27 (3), dalam Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat, mengemukakan resolusi untuk membuat ketetapan bahawa Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin bin Yassin sebagai Ahli Yang Berhormat Pagoh Tidak Mempunyai Keyakinan Majoriti Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan Rakyat."

[Perdana Menteri]

24. PR-1433-U(27)139

Dato' Seri Utama Haji Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir [Jerlun] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini memberi kebenaran kepada Ahli Yang Berhormat bagi Kawasan Jerlun untuk mencadangkan suatu usul iaitu menurut Peraturan Mesyuarat 26 (1) dibaca bersama Peraturan Mesyuarat 27 (3), dalam Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat, mengemukakan resolusi untuk membuat ketetapan bahawa Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin bin Yassin sebagai Ahli Yang Berhormat Pagoh Tidak Mempunyai Keyakinan Majoriti Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan Rakyat."

[Perdana Menteri]

25. PR-1433-U(27)142

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini memberi kebenaran kepada Ahli Yang Berhormat bagi Kawasan Simpang Renggam untuk mencadangkan suatu usul iaitu menurut Peraturan Mesyuarat 26(1) di baca bersama Peraturan Mesyuarat 27(3), dalam Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat, mengemukakan resolusi untuk membuat ketetapan bahawa Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin bin Yassin sebagai Ahli Yang Berhormat Pagoh Tidak Mempunyai Keyakinan Majoriti Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan Rakyat."

[Perdana Menteri]

26. PR-1433-U(27)143

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam] akan mencadangkan :-

